

Media Title : Utusan Borneo Sabah  
Headline : Pesara swasta rugi RM140,520 terperdaya penipuan kad kredit  
Date : 11 February 2023  
Section : Nasional  
Page : 3



# Pesara swasta rugi RM140,520 terperdaya penipuan kad kredit

**KUANTAN:** Seorang pesara swasta mengalami kerugian RM140,520 selepas terperdaya dengan taktik penipuan penggunaan kad kredit kelmarin.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata lelaki berusia 65 tahun itu telah menerima sistem pesanan ringkas (SMS) berkaitan penggunaan kad kredit pembelian barang yang tidak dilakukannya.

Beliau berkata mangsa kemudian telah berhubung dengan seorang individu yang mendakwa sebagai pegawai bank sebelum bertindak

menyerahkan maklumat perbankan.

“Mangs yang berasa takut telah menyerahkan nombor kad bank, Kod Kebenaran Transaksi (TAC) dan kad kredit seperti yang diminta suspek,” katanya dalam kenyataan semalam.

Bagaimanapun, mangsa telah menyedari ditipu selepas menyemak akaun banknya dan terdapat pengurangan wang sebanyak RM140,520.

Dalam kes berlainan, Ramli memaklumkan seorang warga emas kerugian RM87,000 setelah ditipu

sindiket pelaburan tidak wujud.

Menurut beliau, wanita berusia 70 tahun itu mendakwa telah ditawarkan satuskim pelaburan menerusi aplikasi WhatsApp pada November lepas.

Katanya mangsa yang berminat dengan tawaran itu telah menggunakan wang simpanannya melakukan empat transaksi berjumlah RM87,000 sebelum menyedari ditipu selepas gagal mengeluarkan hasil keuntungan daripada akaun yang diberikan oleh suspek.  
— Bernama